

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
30 JULAI 2021	01 SEPT 2021	15 NOV 2021

## **Rukun Negara Medium Keharmonian Di Malaysia: Tinjauan Dalam Kalangan Para Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia**

### ***Rukun Negara As A Medium of Harmonization in Malaysia: A Survey Among Higher Learning Institution's Students in Malaysia***

Ayu Nor Azilah Mohamad<sup>1</sup>, Mohamed Ali Haniffa<sup>2</sup>, Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir<sup>3</sup>

#### **ABSTRAK**

*Rukun Negara diisytiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong ke-4 pada 30 Ogos 1970 sempena ulang tahun ke-13 kemerdekaan negara. Rukun Negara diwujudkan di bawah dasar perpaduan negara selepas berlakunya peristiwa 13 Mei 1969. Penulisan artikel ini adalah untuk mengkaji tahap kesedaran para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tentang peranan Rukun Negara sebagai medium keharmonian di Malaysia. Seramai 242 orang responden yang dipilih secara rawak terlibat dalam kajian ini. Ini merupakan data dapatan kajian rintis. Responden kajian dikehendaki untuk menyatakan tahap persetujuan mereka berdasarkan skala likert lima mata iaitu 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Tidak Pasti), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat Setuju). Hasil dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 25.0 bagi mendapatkan nilai skor min, peratusan, kekerapan dan sisihan piawai. Keputusan data yang dianalisis mendapati bahawa keseluruhan min ialah 4.31 dengan interpretasi min tahap sangat tinggi. Ini jelas menunjukkan bahawa para pelajar di IPT menyedari akan peranan Rukun Negara dalam mengharmonikan hubungan masyarakat majmuk di Malaysia. Ini akan meningkatkan ekonomi negara dan menstabilkan politik dengan pengekaln pemerintahan demokratik.*

**Kata kunci:** Rukun Negara, keharmonian, Malaysia, 13 Mei 1969, Institusi Pengajian Tinggi

#### **ABSTRACT**

*Rukun Negara was declared by His Majesty the 4th Yang di-Pertuan Agong on 30 August 1970 in conjunction with the 13th anniversary of the country's independence. Rukun Negara was created under the national unity policy after the events of 13 May 1969. The writing of this article is to examine the level of awareness of students in Institutions of Higher Learning (IPT) about the role of Rukun Negara as a medium of harmony in Malaysia. A total of 242 randomly selected respondents were involved in this study. These are the findings of a pilot study. Study respondents were required to state their level of agreement based on a five -point Likert scale namely 1 (Strongly Disagree), 2 (Disagree), 3 (Not Sure), 4 (Agree) and 5 (Strongly Agree). The results of the study were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25.0 to obtain the mean score, percentage, frequency and standard deviation. The results of the analyzed data found that the overall mean was 4.31 with a very high-level mean*

<sup>1</sup> Ayu Nor Azilah Mohamad, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, ayunorazilah@kuis.edu.my.

<sup>2</sup> Mohamed Ali Haniffa, PhD, Universiti Utara Malaysia, m.ali@UUM.edu.my.

<sup>3</sup> Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, [adibakmal@kuis.edu.my](mailto:adibakmal@kuis.edu.my)

*interpretation. This clearly shows that students in IPT are aware of the role of Rukun Negara in harmonizing the relations of the plural society in Malaysia. This is justified because of the five principles of Rukun padu. This will boost the country's economy and stabilize politics with the maintenance of democratic rule.*

**Keywords:** *Rukun Negara, harmony, Malaysia, 13 May 1969, Institutions of Higher Learning*

## **Pendahuluan**

Setiap rakyat Malaysia mempunyai hak untuk hidup secara aman dan harmoni walaupun penduduk negara ini berbilang bangsa dan agama serta kebudayaan. Bagi mengekalkan perpaduan dan keharmonian negara, setiap individu dan masyarakat perlu saling memahami antara satu sama lain dengan mengambil langkah-langkah positif dan dasar-dasar yang membina semangat perpaduan (Ishak Saat, 1985). Peristiwa 13 Mei 1969 telah membuka mata banyak pihak tentang kepentingan perpaduan. Keterasingan kehidupan dalam kelompok masing-masing menyebabkan ketiadaan interaksi antara satu sama lain. Untuk itu, kerajaan telah menubuhkan Lembaga Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara sebagai langkah memulihkan keamanan negara. Tan Sri Ghazali Shafie yang mengetuai Jabatan Perpaduan Negara telah berjaya merangka satu garis panduan ideologi negara. Rukun Negara diterima sebagai model asas bagi strategi dalam usaha mewujudkan perpaduan kebangsaan. Prinsip Rukun Negara ialah Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Kesopanan dan Kesusilaan. Lima prinsip tersebut meliputi keagamaan, kesetiaan kepada negara, perlembagaan yang luhur dan penguatkuasaan undang-undang termasuk rakyat hidup dengan menghormati kaum lain (Abdul Rahman Ibrahim, 2015).

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian dalam artikel ini ialah untuk mengkaji tahap kesedaran para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tentang peranan Rukun Negara sebagai medium keharmonian di Malaysia.

## **Metodologi**

Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif. Seramai 242 orang responden terlibat yang terdiri daripada para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Responden ini dipilih secara rawak. Responden kajian dikehendaki untuk menyatakan tahap persetujuan mereka berdasarkan skala likert lima mata iaitu 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Tidak Pasti), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat Setuju). Hasil dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 25.0 bagi mendapatkan nilai skor min, peratusan, kekerapan dan sisihan piawai.

## **Sorotan Kajian**

Terdapat beberapa kajian yang telah dilaksanakan berkaitan dengan Rukun Negara. Abdul Rahman Abdul Aziz (2010) menghuraikan tentang peranan Rukun Negara dalam memperkukuhkan ketahanan negara. Keharmonian dan kerukunan hidup dalam masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia merupakan tunjang kepada kestabilan dan kekuatan negara.

Selain itu, Siti Norayu Mohd Basir et.al (2014) membuat kajian tentang persepsi pelajar terhadap konsep Rukun Negara melalui pengajaran subjek Hubungan Etnik dan kajian kes di Universiti Malaysia Perlis. Hasil kajian ternyata subjek Hubungan Etnik merupakan subjek penting dalam memberi kesedaran dan kefahaman konsep Rukun Negara dalam pembentukan masyarakat majmuk yang harmoni dan bertoleransi di antara satu sama lain.

Kajian Lee Yok Fee dan Sarjit S. Gill (2008) berkaitan tentang Rukun Negara sebagai satu ideologi yang bersepadu perlu diberikan perhatian. Penulis mengesyorkan agar prinsip Rukun Negara perlu disemai dalam pemikiran rakyat Malaysia malah Rukun Negara menjadi amalan dalam kehidupan harian. Untuk itu, pembinaan modal insan seharusnya berteraskan kepada prinsip Rukun Negara.

### **Pembentukan Rukun Negara**

Kedatangan penjajah Inggeris telah menukar bentuk masyarakat negara ini. Di bawah dasar pecah dan perintah Kerajaan Kolonial Inggeris, tiga kumpulan etnik iaitu Melayu, Cina dan India telah dipisahkan dari segi tempat tinggal dan pekerjaan. Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan setiap kaum. Kebanyakan orang Melayu tinggal di desa dan bekerja di sektor pertanian. Kaum Cina pula tinggal di bandar dan melibatkan diri dalam perniagaan. Manakala kaum India tinggal dan bekerja di estet-estet. Setiap kaum juga dipisahkan dari segi pendidikan dengan mempunyai sekolah aliran masing-masing tanpa sukatan pelajaran atau kurikulum yang sama (Kassim Thukiman, 2002).

Hubungan kaum semakin keruh apabila parti-parti politik membuat provokasi antara satu sama lain yang akhirnya membawa kepada pergaduhan. Keretakan hubungan kaum semakin serius sehingga mencetuskan peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Ekoran peristiwa itu, kerajaan telah mencari satu formula bagi mengatasi masalah pergaduhan kaum supaya tidak berulang lagi. Berikutan itu, sistem kerajaan berparlimen telah digantung pada 16 Mei 1969. Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan bertujuan untuk mengembalikan keamanan, menegakkan semula undang-undang negara, memupuk suasana harmoni dan saling percaya di antara masyarakat berbilang kaum.

Anggota-anggota Majlis Perundangan Negara terdiri daripada seorang Pengerusi (Allahyarham Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein merangkap Pengarah MAGERAN), tiga orang menteri (Allahyarham Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, mendiang Tun Tan Siew Sin dan mendiang Tun V.T Sambanthan), wakil-wakil Kerajaan Negeri dan wakil-wakil daripada tokoh-tokoh agama, badan-badan profesional, perkhidmatan awam, kesatuan sekerja, wartawan, persatuan guru-guru dan wakil-wakil kumpulan kecil. Setelah berbincang serta mengkaji sedalam-dalamnya selama beberapa bulan, Majlis Perundangan Negara telah merumuskan bahawa satu ideologi yang mampu mengatasi garis pemisah antara kaum perlu diwujudkan di negara ini. Berasaskan keputusan tersebut, maka lahirlah Rukun Negara yang telah diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong Keempat pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun ke-13 kemerdekaan negara (Riduan Tambi, 2013).

### **Dapatan Kajian Dan Perbincangan**

Seramai 242 orang responden dari Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia terlibat dalam menjawab soal selidik ini. Responden ini dipilih secara rawak. Hasil dapatan kajian dianalisis

menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 25.0 bagi mendapatkan nilai skor min, peratusan, kekerapan dan sisihan piawai. Ini merupakan data penyelidikan untuk kajian rintis. Fokus perbincangan data kajian pada setiap pernyataan yang diperolehi.

## Demografi

Seterusnya pada bahagian demografi responden, terdapat empat item yang difokuskan iaitu jantina, tahap umur, tahun pengajian dan peringkat pengajian.

## Jantina

**Jadual 1: Taburan Responden Pelajar IPT mengikut Jantina**

Perihal	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	84	34.7
Perempuan	158	65.3
<b>Total</b>	<b>242</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Dapatan kajian, 2021.

Jadual 1 di atas menunjukkan taburan responden mengikut jantina pelajar IPT di seluruh Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan responden pelajar IPT dalam kalangan perempuan 65.3 peratus (158) lebih ramai berbanding pelajar IPT lelaki 34.7 peratus (84).

## Umur

**Jadual 2: Taburan Responden Pelajar IPT Mengikut Umur**

Perihal	Kekerapan	Peratusan
18-20 tahun	69	28.5
21-22 tahun	130	53.7
23-24 tahun	25	10.3
25-26 tahun	15	6.2
27 tahun dan ke atas	3	1.2
<b>Total</b>	<b>242</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Dapatan kajian, 2021.

Jadual 2 di atas menunjukkan taburan responden mengikut umur pelajar IPT di seluruh Malaysia. Hasil kajian mendapati majoriti pelajar IPT adalah dalam kalangan mereka yang berumur 21 hingga 22 tahun sebanyak 53.7 peratus (130). Jumlah ini lebih ramai berbanding pelajar IPT yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 20 tahun iaitu 28.5 peratus (69). Ini diikuti tahap umur 23 hingga 24 tahun memperoleh 10.3 peratus (25) dan tahap umur 25 hingga 26 tahun iaitu 6.2 peratus (15). Akhir sekali yang paling sedikit adalah pelajar IPT yang berumur lebih 27 tahun hanyalah 1.2 peratus (3).

## Tahun Pengajian

**Jadual 1: Taburan Responden Pelajar IPT Mengikut Tahun Pengajian**

<b>Perihal</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
Tahun 1	127	52.5
Tahun 2	69	28.5
Tahun 3	18	7.4
Tahun 4	28	11.6
<b>Total</b>	<b>242</b>	<b>100.0</b>

**Sumber: Dapatan kajian, 2021.**

Jadual 3 di atas menunjukkan taburan pelajar IPT di Malaysia mengikut tahun pengajian. Hasil kajian mendapati majoriti 52.5 peratus (127) pelajar dari tahun 1. Ini kemudian diikuti 28.5 peratus (69) pelajar dari tahun 2. Seterusnya 11.6 peratus (28) bagi pelajar dari tahun 4 dan paling sedikit ialah 7.4 peratus (18) untuk kateogri pelajar dari tahun 3.

## Peringkat Pengajian

**Jadual 2: Taburan Responden Pelajar IPT Mengikut Peringkat Pengajian**

<b>Perihal</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
PhD	0	0
Sarjana	0	0
Ijazah Sarjana Muda	207	85.5
Diploma	35	14.5
Sijil	0	0
<b>Total</b>	<b>242</b>	<b>100.0</b>

**Sumber: Dapatan kajian, 2021.**

Jadual 4 di atas menunjukkan taburan responden pelajar IPT di Malaysia mengikut peringkat pengajian. Hasil kajian mendapati majoriti 85.5 peratus (207) pelajar IPT dari peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda. Kemudian diikuti oleh 14.5 peratus (35) mereka dari peringkat pengajian Diploma. Manakala tiada responden yang menjawab daripada pelajar IPT di peringkat PhD, Sarjana dan Sijil.

## **Mengkaji Tahap Kesedaran Para Pelajar IPT Tentang Peranan Rukun Negara Sebagai Medium Keharmonian di Malaysia.**

Jadual interpretasi data berikut dibuat bagi penetapan tahap untuk mengukur tahap keprihatinan mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia terhadap prinsip rukun negara sebagai medium integrasi. Ini kerana data kajian dikutip melalui soal selidik dengan menggunakan lima skala Likert maka dikira amat sesuai jika interval min daripada analisis deskriptif digunakan bagi mengukur tahap keprihatinan mahasiswa IPT. Nilai min skala lima Likert dibahagi kepada lima mata mengikut tahap seperti berikut:

**Jadual 3: Nilai Min Mengikut Skala Lima Likert**

Nilai Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R., (2004).

**Jadual 6: Ketiadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian seseorang.**

Pernyataan/Item	Skala					Jum	Min	SP	Tahap
	1	2	3	4	5				
Ketiadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian seseorang.	.8 (2)	2.1 (5)	3.3 (8)	28.5 (69)	65.3 (158)	93.8 (227)	4.55	.733	Sangat Tinggi

1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju

Sumber: Dapatan kajian, 2021.

Jadual 6 di atas menunjukkan taburan responden mengikut tahap kesedaran para pelajar di IPT tentang peranan Rukun Negara sebagai medium keharmonian di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesedaran para pelajar di IPT berada pada tahap sangat tinggi dapat dilihat daripada peratusan tertinggi yang menunjukkan 93.8 peratus (227) dengan min 4.55 bagi pernyataan *ketiadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian seseorang*. Ini amat bertepatan dengan prinsip pertama Rukun Negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan. Prinsip pertama dalam senarai Rukun Negara ini dipilih oleh Jawatankuasa penggubal Rukun Negara kerana menyedari akan kepentingan agama dan kepercayaan kepada Tuhan dalam kehidupan manusia (Annuar Rafie & Salehah Abdull Hak, 2007).

**Jadual 7: Kesopanan dan kesusilaan dapat mewujudkan masyarakat Malaysia yang harmoni dan bersatu padu.**

Pernyataan/Item	Skala					Jum	Min	SP	Tahap
	1	2	3	4	5				
Kesopanan dan kesusilaan dapat mewujudkan masyarakat Malaysia yang harmoni dan bersatu padu.	0 (0)	0 (0)	3.3 (8)	38.8 (94)	57.9 (140)	96.7 (234)	4.54	.561	Sangat Tinggi

1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju

Sumber: Dapatan kajian, 2021.

Seterusnya, Jadual 7 ialah item *kesopanan dan kesusilaan dapat mewujudkan masyarakat Malaysia yang harmoni dan bersatu padu* memperoleh 96.7 peratus (234) dengan min 4.54. Kesopanan dan kesusilaan dapat dilihat kepada tingkah laku dan tutur kata seseorang. Bahasa yang lembut dan bersopan santun dengan tingkah laku yang baik akan menjamin perhubungan yang harmoni dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Nilai kerjasama dan muafakat akan terlaksana dengan sikap toleransi dan menghormati antara semua pihak dalam sesebuah masyarakat (Ayu Nor Azilah et.al, 2013). Hubungan harmoni yang terjalin sesama kaum ini akan memperkukuhkan lagi kedaulatan dan pembangunan negara. Keharmonian yang terhasil daripada perpaduan antara rakyat Malaysia merupakan satu keistimewaan dan juga daya tarikan kepada pelabur asing untuk melabur di negara kita. Secara umumnya, perasaan prasangka dan ketidakpuasan hati antara pelbagai etnik dalam sesebuah negara bukanlah suatu perkara asing. Persoalannya, bagaimana kita menangani isu ini secara berhemah agar kita dapat meluahkan perasaan hati tanpa menjejaskan keamanan dan keharmonian negara.

Hubungan ketidakharmonian antara kaum akan mengakibatkan negara kita berada di dalam keadaan yang tidak stabil. Hal ini akan mendorong kepada pergaduhan atau pertelingkahan antara kaum. Keadaan yang tidak stabil ini akan membimbangkan para pelabur. Sekiranya, sesebuah negara mengalami suasana huru-hara, pelabur asing akan terasa bimbang terhadap modal yang dilaburkan juga tentang keselamatan perniagaan mereka di negara ini. Kemerostan ekonomi akan melambatkan proses perkembangan dan kemajuan negara kerana kehidupan rakyat yang derita akibat kenaikan harga barang secara mendatar dan kemunduran teknologi kerana tiada sumbangan modal daripada para pelabur di dalam mahupun dari luar negara. Malahan, taraf hidup penduduk akan menjadi rendah akibat ketiadaan peluang pekerjaan. Oleh hal yang sedemikian, perpaduan di kalangan rakyat menjadi salah satu faktor penting dalam penjanaaan ekonomi negara (Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, 13 Mac 2013). Secara ironi, prinsip kelima Rukun Negara ini mendidik rakyat Malaysia agar menghormati antara satu sama lain demi kehidupan yang harmoni.

**Jadual 8: Agama merupakan tonggak kekuatan bangsa dan negara.**

Penyataan/Item	Skala					Jum	Min	SP	Tahap
	1	2	3	4	5				
Agama merupakan tonggak kekuatan bangsa dan negara.	0	1.7 (4)	5.8 (14)	33.5 (81)	59.1 (143)	92.6 (224)	4.50	.683	Sangat Tinggi

1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju

**Sumber: Dapatan kajian, 2021.**

Jadual 8 adalah item *agama merupakan tonggak kekuatan bangsa dan negara* yang membolehkan 92.6 peratus (224) dengan min 4.50. Terdapat pengkaji sejarah agama berpendapat bahawa agama ialah keperluan asasi manusia. Untuk itu, tiada sebuah masyarakat di dunia ini yang tidak mempunyai agama. Kepercayaan kepada agama merupakan sifat sejagat bagi seluruh manusia sama ada manusia moden ataupun primitif. Agama merupakan faktor terpenting dan faktor penentu dalam proses perpaduan. Hal ini kerana agama dapat memberi sumbangan terhadap perpaduan nasional (Shamsul Amri, 2012).

Bangsa dan negara ini telah diwujudkan atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan. Dengan nama Tuhanlah, bangsa dan negara ini telah diwujudkan sebagai sebuah bangsa dan negara yang berdaulat. Ketika Malaysia mencapai kemerdekaan, masalah utama yang menentukan kelangsungan sebuah negara baharu ini adalah tentang persoalan agama atau ideologi negara. Ini berkaitan khususnya dengan agama Islam. Hakikatnya, dalam konteks ini menjelaskan bahawa Islam memiliki pengalaman sejarah dalam mengelola pluraliti seperti Piagam Madinah yang dapat menjelaskan perihal perjanjian untuk hidup bersama. Malah dapat membangunkan masyarakat yang adil, aman dan sejahtera berjaya dilakukan. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa Islam ialah agama rasmi Persekutuan. Agama dan kepercayaan lain boleh diamalkan dengan aman dan tenteram. Perbuatan dan tindakan yang membeza-bezakan terhadap seorang warganegara atas alasan agama adalah dilarang (Eddin Khoo, 2020).

**Jadual 9: Kesetiaan kepada Raja dan Negara dapat menyatupadukan semua kaum menjadi satu bangsa.**

Pernyataan/Item	Skala					Jum	Min	SP	Tahap
	1	2	3	4	5				
Kesetiaan kepada Raja dan Negara dapat menyatupadukan semua kaum menjadi satu bangsa.	.8 (2)	2.1 (5)	6.2 (15)	33.9 (82)	57.0 (138)	90.9 (220)	4.44	.772	Sangat Tinggi

1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju

Sumber: **Dapatan kajian, 2021.**

Seterusnya ialah pernyataan *kesetiaan kepada Raja dan Negara dapat menyatupadukan semua kaum menjadi satu bangsa* yang 90.9 peratus (220), min 4.44, Ini berkaitan dengan prinsip kedua Rukun Negara iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Dalam konteks perhubungan rakyat dan Raja, rakyat harus mencurahkan taat setianya kepada Raja. Manakala Raja atau pemerintah pula harus menyediakan perlindungan kepada negara dan seluruh rakyat jelata. Oleh itu, semua rakyat hendaklah mendukung cita-cita untuk membentuk satu bangsa dan negara. Anggota masyarakat harus menganggap diri sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan membezakan kepercayaan. Hal ini kerana rakyat negara ini terdiri daripada pelbagai kaum dengan berbagai-bagai perbezaan yang wujud. Melalui Rukun Negara akan dapat membentuk satu bangsa yang bersatu padu kerana semua rakyat tanpa mengira kaum mempunyai semangat kesetiaan dan perasaan cinta akan negara (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2020).

**Jadual 10: Institusi Beraja merupakan lambang perpaduan rakyat Malaysia.**

Pernyataan/Item	Skala					Jum	Min	SP	Tahap
	1	2	3	4	5				
Institusi Beraja merupakan lambang perpaduan rakyat Malaysia.	0 (0)	2.1 (5)	8.7 (21)	35.1 (85)	54.1 (131)	89.2 (216)	4.41	.736	Sangat Tinggi

1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju

Sumber: Dapatan kajian, 2021.

Berikutnya pernyataan *Institusi Beraja merupakan lambang perpaduan rakyat Malaysia* mencapai 89.2 peratus (216), dengan min 4.41. Institusi kesultanan dilindungi oleh Perlembagaan dengan cara tiada pindaan boleh dibuat terhadap peruntukan berhubung dengan Majlis Raja-raja, susunan keutamaan dan hak warisan sebagai raja di negeri masing-masing tanpa persetujuan Majlis Raja-raja. Yang di-Pertuan Agong menjadi lambang tumpuan perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Perlembagaan telah mengamanahkan Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab untuk memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak termasuk kepentingan sah kaum lain. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong adalah lambang perpaduan (Mohd Salleh Abas, 2006).

**Jadual 11: Rukun Negara membentuk individu berdisiplin dan bermoral.**

Pernyataan/Item	Skala					Jum	Min	SP	Tahap
	1	2	3	4	5				
Rukun Negara membentuk individu berdisiplin dan bermoral.	.4 (1)	.4 (1)	6.2 (15)	44.6 (108)	48.3 (117)	92.9 (225)	4.40	.663	Sangat Tinggi

1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju

Sumber: Dapatan kajian, 2021.

Pernyataan di atas tentang *Rukun Negara membentuk individu berdisiplin dan bermoral* 92.9 peratus (225), dengan min 4.40. Sikap bersopan santun dan bersusila patut diamalkan bagi membentuk seseorang individu serta masyarakat yang berdisiplin termasuk bermoral tinggi. Kehidupan berbudi pekerti mulia dan bermoral tinggi merupakan perkara penting dalam kehidupan bertamadun. Pembinaan sifat tersebut pada diri sendiri pada diri seseorang berkait rapat dengan kepercayaan beragama dalam kehidupan seorang manusia. Agama berperanan membentuk pandangan semesta seseorang dan sesebuah masyarakat termasuk perilaku dalam kehidupan (Osman Bakar, 2012).

Ini bertepatan dengan prinsip kelima Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan. Prinsip kelima ini menekankan perkembangan personaliti dan tingkah laku seseorang rakyat dan hubungan antara masyarakat. Matlamatnya jelas iaitu untuk membentuk warganegara Malaysia yang “airnya jernih, ikannya jinak.” Ini bermaksud bersopan santun dan bersusila ini juga selaras dengan kempen “Budi Bahasa, Budaya Kita.” Kempen ini bertujuan mendidik masyarakat daripada segenap golongan dan peringkat akan kepentingan berbudi bahasa dengan menghayati budaya sihat, mengamalkan nilai murni dan etika hidup yang baik, yang seharusnya dihayati oleh semua anggota masyarakat (Ismail Ibrahim, 7 November 2017).

**Jadual 12: Perlembagaan merupakan sumber rujukan berkaitan sistem pemerintahan, perundangan, kedudukan dan hak sosioekonomi.**

Penyataan/Item	Skala					Jum	Min	SP	Tahap
	1	2	3	4	5				
Perlembagaan merupakan sumber rujukan berkaitan sistem pemerintahan, perundangan, kedudukan dan hak sosioekonomi.	.4 (1)	0 (0)	9.1 (22)	43.4 (105)	47.1 (114)	90.5 (219)	4.36	.682	Sangat Tinggi

1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju

**Sumber: Dapatan kajian, 2021.**

Ini diikuti dengan item Jadual 12 di atas iaitu *Perlembagaan merupakan sumber rujukan berkaitan sistem pemerintahan, perundangan, kedudukan dan hak sosioekonomi*. Pernyataan ini mendapat 90.5 peratus (219) dengan min 4.36. Hal ini berkaitan dengan prinsip ketiga Rukun Negara iaitu Keluhuran Perlembagaan. Keluhuran Perlembagaan mestilah dihormati oleh setiap warganegara kerana Perlembagaan adalah asas kepada undang-undang. Perlembagaan adalah sumber undang-undang tertinggi bagi sesebuah negara yang berdaulat. Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab setiap individu bagi mematuhi keluhurannya. Kewujudan perlembagaan adalah sebagai panduan mengatur dan menyelaras pemerintahan sesebuah negara. Bahkan, perlembagaan juga berperanan sebagai satu panduan bagi pembentukan undang-undang sama ada di pihak kerajaan, rakyat serta sesiapa sahaja. Di Malaysia, tidak ada satu institusi yang boleh mengatasi ketertinggalan Perlembagaan Persekutuan (Nazri Muslim, 2017: 16). Kedudukan ini diperkukuhkan oleh Perkara 4(1) di mana apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas kemerdekaan negara dan tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan adalah tidak sah. Untuk itu, beberapa kaedah dilaksanakan untuk memastikan kedaulatan undang-undang adalah adil dan saksama kepada semua pihak. Antaranya berhak menfailkan rayuan, pelaksanaan mahkamah terbuka, alasan penghakiman dapat diakses oleh masyarakat umum dan keputusan mahkamah dibuat berdasarkan undang-undang. Demi memastikan perkara tersebut, kuasa pemerintahan dibahagikan kepada tiga cabang iaitu Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman bertujuan memastikan kesemua badan itu saling melengkapi tetapi tidak melangkaui kuasa badan lain (Aqilah Mior Kamarulbaid, 27 Februari 2021).

**Jadual 13: Rukun Negara menjadi formula untuk mengatasi masalah pergaduhan kaum.**

Penyataan/Item	Skala					Jum	Min	SP	Tahap
	1	2	3	4	5				
Rukun Negara menjadi formula untuk mengatasi masalah pergaduhan kaum.	1.2 (3)	4.5 (11)	8.7 (21)	36.8 (89)	48.8 (118)	85.6 (207)	4.27	.892	Sangat Tinggi

1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju

**Sumber: Dapatan kajian, 2021.**

Berikutnya pernyataan *Rukun Negara menjadi formula untuk mengatasi masalah perpaduan kaum* mendapat 85.6 peratus (207) dengan min 4.27. Kesan daripada peristiwa 13 Mei 1969, kerajaan mencari satu formula bagi mengatasi masalah perpaduan kaum supaya dapat dibendung serta tidak akan berulang lagi. Berikutan itu, sistem kerajaan berparlimen telah digantung dan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan. Matlamatnya ialah untuk mengembalikan keamanan, menegakkan semula undang-undang negara dan memupuk suasana harmoni serta saling mempercayai di antara masyarakat berbilang kaum di negara ini. Objketif pembentukan Rukun Negara ialah mencapai perpaduan yang erat dalam kalangan seluruh masyarakat. Rukun Negara diharapkan dapat memelihara cara kehidupan yang demokratik. Selain itu, Rukun Negara dapat mencipta satu masyarakat yang adil dengan kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama. Selain itu, faktor kewujudan Rukun Negara ialah untuk membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak, Dalam masa yang sama tujuan Rukun Negara dibentuk ialah untu membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2018).

**Jadual 14: Perlembagaan memberi hak dan keistimewaan kepada setiap warganegara.**

Pernyataan/Item	Skala					Jum	Min	SP	Tahap
	1	2	3	4	5				
Perlembagaan memberi hak dan keistimewaan kepada setiap warganegara.	.8 (2)	1.7 (4)	13.2 (32)	42.1 (102)	42.1 (102)	84.2 (204)	4.23	.802	Sangat Tinggi

1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju

**Sumber: Dapatan kajian, 2021.**

Pernyataan *Perlembagaan memberi hak dan keistimewaan kepada setiap warganegara* berjumlah 84.2 peratus (204) dengan min 4.23. Pembentukan Perlembagaan Persekutuan merupakan hasil tolak ansur antara pelbagai kaum di negara ini ketika penubuhan Persekutuan Tanah Melayu. Persetujuan melonggarkan syarat-syarat kewarganegaraan oleh pemimpin-pemimpin Melayu telah membolehkan para pemimpin bukan Melayu mengakui kedudukan istimewa orang Melayu dan orang Islam (Ayu Nor Azilah. et.al. 2019, 63) Dengan pembentukan gagasan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963, taraf kedudukan istimewa telah diperluas kepada kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak. Kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera dimaktubkan menurut Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Zainal Abidin Borhan et. al. 2014: 339).

Kaum Cina dan India dalam MCA dan MIC menerima hakikat sejarah negara ini dan bersedia secara sukarela, menerima dan memperakui hak keistimewaan orang Melayu semenjak turun temurun dan turut memperakui agama Islam sebagai agama rasmi negara ini. Sememangnya Perkara 153 dan soal kewarganegaraan menjadi mercu tanda kepada kewujudan negara Malaysia sekarang ini. Setiap bangsa ada negaranya sendiri. Orang Cina ada negaranya di Tanah Besar China manakala orang India ada negaranya iaitu India. Keturunan Cina dan India yang lahir di negara ini dan menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi, mempunyai hak menjadi rakyat negara ini dan menikmatinya sebagai bangsa Malaysia. Bagi memastikan masyarakat bumiputera mendapat akses kepada semua sektor ekonomi dan memperoleh bahagian yang lebih saksama daripada kekayaan negara, peruntukan

Perlembagaan Persekutuan telah diperluaskan kepada pelbagai dasar kerajaan (Mohamed Mustafa Ishak, 2014:106).

Kedudukan istimewa orang Melayu adalah unsur tradisi yang keempat. Perkara 153 memberikan tanggungjawab yang berat kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain. Dalam perjanjian-perjanjian awal antara raja-raja Melayu dengan kerajaan British, peruntukan untuk mengutamakan penduduk berbangsa Melayu tidak diperlukan kerana negara ini adalah sebuah negara Melayu dan tiada siapa pun pada masa itu menyoal akan hak serta kedudukan istimewa dinikmati oleh orang Melayu (Ruslan Zainuddin, 2010:221).

**Jadual 15: Rukun Negara merupakan ideologi nasional.**

Pernyataan/Item	Skala					Jum	Min	SP	Tahap
	1	2	3	4	5				
Rukun Negara merupakan ideologi nasional.	.4 (1)	1.2 (3)	18.2 (44)	40.1 (97)	40.1 (97)	80.2 (194)	4.18	.799	Tinggi

1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju

**Sumber: Dapatan kajian, 2021.**

Di samping itu, tahap kesedaran para pelajar di IPT berada pada tahap tinggi boleh dilihat daripada peratusan yang menunjukkan 80.2 peratus (194), min 4.18 *Rukun Negara merupakan ideologi nasional*. Rukun Negara merupakan ideologi kebangsaan negara yang dibentuk untuk dihayati oleh semua lapisan masyarakat sama ada dari golongan muda atau yang tua. Perlembagaan Persekutuan digubal berasaskan kesepakatan semua kaum dan semua pihak dalam negara ini. Ini merupakan satu kontrak sosial rakyat yang tidak boleh dipersoalkan dan diganggu gugat oleh mana-mana individu atau pihak. Rukun Negara menjadi satu visi merealisasikan kontrak sosial yang dipersetujui oleh kaum-kaum utama semasa penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Semasa merangka perlembagaan tersebut, kaum Melayu dan bukan Melayu bersetuju atas beberapa perkara yang sangat penting kepada kestabilan negara yang merujuk kepada kontrak sosial. Melalui kontrak sosial ini, orang bukan Melayu telah diberikan hak kewarganegaraan yang longgar berasaskan prinsip jus soli. Manakala orang Melayu diperuntukkan dalam perlembagaan mengenai agama Islam sebagai agama persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kedudukan istimewa orang Melayu serta kedudukan Raja-raja Melayu atau yang dipanggil sebagai unsurunsur tradisi dalam perlembagaan (Nazri Muslim, 2017: 23). Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dikuatkuasakan sehingga ke hari ini dengan beberapa pindaan telah dilakukan. Contoh pindaan yang telah dibuat ialah Akta Malaysia yang diluluskan dalam tahun 1963 meminda Perkara 1 (1) dan (2) untuk kemasukan Sabah, Sarawak dan Singapura serta menukarkan nama Persekutuan Tanah Melayu kepada Persekutuan Malaysia (Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin, 2014:249).

**Jadual 16: Kedaulatan undang-undang menjamin hak kebebasan asasi semua warganegara.**

Penyataan/Item	Skala					Jum	Min	SP	Tahap
	1	2	3	4	5				
Kedaulatan undang-undang menjamin hak kebebasan asasi semua warganegara.	1.2 (3)	4.1 (10)	12.4 (30)	44.2 (107)	38.0 (92)	82.2 (199)	4.13	.874	Tinggi

1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju

**Sumber: Dapatan kajian, 2021.**

Jadual 16 di atas tentang *Kedaulatan undang-undang menjamin hak kebebasan asasi semua warganegara* mendapat 82.2 peratus (199) dengan min 4.13. Keadilan diasaskan atas kedaulatan undang-undang kerana setiap rakyat Malaysia sama tarafnya di sisi undang-undang negara. Daripada sudut Islam, syariah memandang kedudukan manusia adalah sama di sisi Allah Taala. Sebagaimana firman Allah;

“Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya).”

(Surah al-Hujuraat (49):13)

Kebebasan asasi terjamin bagi semua warganegara Malaysia. Undang-undang negara berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan. Untuk itu, kedaulatan perlu diterima dan dipertahan. Pepatah Melayu berbunyi “ada batang mati, ada cendawan tumbuh” yang menunjukkan bahawa tanpa undang-undang, hidup bermasyarakat dan bernegara tidak akan aman dan stabil. Ini jelas bahawa undang-undang tidak boleh dipersenda tetapi sebaliknya mesti dihormati dan dipatuhi. Kedaulatan undang-undang negara dijamin oleh institusi kehakiman yang bebas dan berwibawa.

Setiap negara memerlukan undang-undang untuk mengawal dan mewujudkan satu masyarakat yang aman, stabil dan majmur. Kewujudan undang-undang akan menjamin kehidupan anggota masyarakat dapat bergerak dengan licin dan teratur tanpa sebarang kekacauan kerana semua anggota masyarakat akan terasa selamat. Justeru, prinsip Kedaulatan Undang-Undang diwujudkan bagi mencapai objektif keadilan.

**Jadual 17: Perlembagaan memberi seseorang hak mengeluarkan idea, berhimpun dan menubuhkan persatuan.**

Penyataan/Item	Skala					Jum	Min	SP	Tahap
	1	2	3	4	5				
Perlembagaan memberi seseorang hak mengeluarkan idea, berhimpun dan menubuhkan persatuan.	2.1 (5)	4.5 (11)	27.3 (66)	36.8 (89)	29.3 (71)	66.1 (160)	3.86	.959	Tinggi

1 Sangat Tidak Setuju, 2 Tidak Setuju, 3 Kurang Setuju, 4 Setuju, 5 Sangat Setuju

**Sumber: Dapatan kajian, 2021.**

Prinsip keempat Rukun Negara ialah Kedaulatan Undang-Undang. Intipati prinsip ini ialah *Perlembagaan memberi seseorang hak mengeluarkan idea, berhimpun dan menubuhkan persatuan* memperoleh 66.1 peratus (160) dengan min 3.86. Hak-hak semua rakyat boleh diamalkan secara bebas asalkan tidak melanggar undang-undang termasuk perkara-perkara sebagaimana yang dijamin oleh Perlembagaan. Hak-hak dan kebebasan yang dijamin oleh Perlembagaan itu tidaklah termasuk hak menggulingkan kerajaan sama ada dengan kekerasan atau dengan cara-cara yang tidak menurut Perlembagaan (Bahagian Penerbitan Dasar Negara, 2018).

Kebebasan bercakap dihadkan kepada kata-kata yang tidak menjadi fitnah, kata-kata yang tidak menjadi hasutan (menghuru-harakan keadaan politik) dan kata-kata yang tidak mencerca mahkamah. Ini termasuklah kata-kata yang melanggar hak keutamaan Parlimen dan Dewan Negeri. Mengeluarkan kata-kata fitnah adalah menjadi kesalahan mal dan kesalahan jenayah. Kebebasan berkumpul pula haruslah dalam keadaan aman dengan tidak bersenjata (Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jonet, 2007).

## Kesimpulan

Konklusinya, tahap kesedaran para pelajar IPT tentang peranan Rukun Negara sebagai medium keharmonian di Malaysia adalah sangat tinggi dengan memperoleh keseluruhan min 4.32 dan sisihan piawai .470. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa para pelajar menyedari Rukun Negara dicipta adalah untuk mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat. Dalam masa yang sama Rukun Negara juga berperanan untuk memelihara cara hidup demokratik dengan mewujudkan satu masyarakat adil bagi memastikan kemakmuran negara dinikmati secara saksama. Kesedaran ini penting agar tidak berlaku perpecahan dalam kalangan masyarakat. Tanpa perpaduan, negara terancam dan menjadi lemah. Situasi begini boleh menyebabkan kedaulatan negara tergugat. Rakyat yang hebat ialah rakyat yang berpegang teguh kepada prinsip Rukun Negara.

## Rujukan

- Al-Quranul Karim Rasm Uthmani.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. 2010. "Rukun Negara dalam Memperkukuhkan Ketahanan Negara" dalam *Proceedings of the Seminar on National Resilience: Political Management and Policies in Malaysia*. Kedah: Langkawai.
- Abdul Rahman Ibrahim. 2015. *13 Mei 1969 di Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jonet. 2007. *Sistem Undang-Undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri. 13 Mac 2013. Negara Akan Terus Maju Jika Perpaduan Kaum Dapat Dikekalkan. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2013/03/13/negara-akan-terus-maju-jika-perpaduan-kaum-dapat-dikekalkan>. Dirujuk pada 1 Julai 2021.
- Anuar Rafie & Salehah Abdull Hak. 2007. *Rukun Negara*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Aqilah Mior Kamarulbaid, 27 Februari 2021. 'Perlembagaan Memastikan Keadilan untuk Semua' <https://www.utusan.com.my/rencana/2021/02/perlembagaan-memastikan-keadilan-untuk-semua/>. Dirujuk pada 1 Julai 2021.

- Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa, Wayu Nor Asikin Mohamad. 2019. "Perlembagaan Persekutuan Malaysia Mengharmonikan Ikatan Masyarakat Majmuk di Malaysia" dalam *Journal of Muwafaqat Vol. 2, No. 1, 2019, pp. 60-74*. Faculty of Syariah and Law, Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor.
- Ayu Nor Azilah Mohamad, Rohaini Amin & Nor Azlina Endut. 2013. "Rukun Negara: Peranan, Penghayatan dan Cabaran dalam Perpaduan di Malaysia" dalam Mohd Azani Jabar (peny.). *Membina Bangsa Malaysia, Jilid 5: Negara Bangsa*. Jabatan Perdana Menteri: Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional.
- Bahagian Penerbitan Dasar Negara. 2018. *Rukun Negara*. Jabatan Penerangan Malaysia: Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Bahagian Penerbitan Dasar Negara. 2020. *Rukun Negara: 5 Kunci Perpaduan di Malaysia*. Jabatan Penerangan Malaysia: Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Eddin Khoo. 2020. *Rukun Negara: Selayang Pandang*. Kuala Lumpur: Kala Publishers Sdn. Bhd.
- Ishak Saat. 1985. Tun Abdul Razak Hussein: Survival Politik Melayu 1963–1976 dalam *Jurnal Perspektif Jil. 6 Bil. 3 (122-137) ISSN 1985 - 496X*
- Ismail Ibrahim. 7 November 2017. 'Kempen Budi Bahasa Budaya Kita Relevan' <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2017/11/347615/kempen-budi-bahasa-budaya-kita-relevan>. Dirujuk pada 1 Julai 2021.
- Kassim Thukiman. 2002. *Malaysia: Perspektif, Sejarah dan Politik*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Lee Yok Fee & Sarjit S. Gill. 2008. Rukun Negara Teras Pembinaan Modal Insan: Satu Komentari. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 16(1): 107-113*. Universiti Putra Malaysia Press.
- Mardiana Nordin & Hasnah. 2014. *Pengajian Malaysia Edisi Kelima*. Oxford Fajar Sdn. Bhd: Selangor.
- Mohamed Mustafa Ishak. 2014. *Politik Bangsa Malaysia: Pembinaan Bangsa dalam Masyarakat Pelbagai Etnik*. Kuala Lumpur: ITBM & UUM Press.
- Mohd. Salleh Abas (Dikemaskini oleh Haji Salleh Buang). (2006). *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazri Muslim. 2017. *Islam dan Melayu dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad. 2019. *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Riduan Tambi, 2013. Rukun Negara. Bahagian Penerbitan Dasar Negara: Jabatan Penerangan Malaysia: Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Ruslan Zainuddin (editor), Mohd. Mahadee Ismail & Zaini Othman. 2010. *Kenegaraan Malaysia Edisi Kedua*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2012. *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Norayu Mohd Basir, Junainor Hassan, Shuhairimi Abdullah dan Hassad Hassan. 2014. Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Rukun Negara Melalui Pengajaran Subjek Hubungan Etnik: Kajian kes di Universiti Malaysia Perlis dalam *Journal of Human Development and Communication Volume 3 (Special Issue), 2014 [67-79]*.
- Tschannen-Moran, M. & Gareis, C.R., 2004. Principle's Sense of Efficacy: Assessing a Promising Construct. *Journal of Educational Administration. 42(5), 573-585*
- Zainal Abidin Borhan, Ahmad Hakimi Khairuddin, Noor Hasnoor Mohamad Nor. 2014. "Tamadun Melayu sebagai asas dan kelangsungan tamadun Malaysia" dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.